

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Kerajaan sedang mengkaji satu teknologi baru bagi memproses hampas padi untuk dijadikan sumber tenaga janakuasa elektrik.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata kerajaan telah menghubungi tiga firma asing dari Amerika Syarikat dan Franchis untuk tujuan tersebut.

Katanya lagi, kerajaan juga memberi kuasa kepada pihak Lembaga Elektrik Negara (LLN) untuk membuat kajian kegunaan hampas padi bagi tujuan yang sama.

"Sekiranya rancangan itu didapati praktikal, semua kilang padi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) akan menggunakan kuasa elektrik dari hampas padi", katanya.

Beliau bercakap kepada para pemberita selepas menerima kunjungan Duta Khas Bangsa-bangsa Bersatu merangka Menteri Luar Sri Lanka, Enik A.C.S. Hameed, di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, hari ini.

Menurut beliau, hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan janakuasa elektrik hampas padi lebih dari mencukupi untuk kegunaan sesebuah kilang LPN.

Katanya, ia juga boleh

# Janakuasa elektrik dari hampas padi dikaji

disalurkan untuk kegunaan penduduk-penduduk sekitarnya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, kos bagi setiap unit antara \$3 juta hingga \$5 juta.

Beliau yakin, projek tersebut boleh menjimatkan kos bekalan elektrik dari LLN, kerana kos elektrik kita adalah antara yang tertinggi di rantau ini.

Beliau juga mengumumkan penubuhan sebuah pusat arang batu di kawasan Pelabuhan Kelang dalam rancangan Malaysia Keempat untuk kegunaan kilang-kilang simen dan janakuasa elektrik.

Katanya, kerajaan akan mengambil bahagian yang aktif dalam penubuhan pusat tersebut.

Mengenai masalah pencemaran udara, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pusat arang batu yang termoden tidak menimbulkan masalah tersebut.

Jelasnya, di Jepun kira-kira 85 peratus sumber tenaga janakuasa elektrik dan 80 peratus kilang simen menggunakan arang batu.

Katanya lagi, Malaysia mempunyai beberapa lombong arang batu di Sarawak.

Mengenai rundi-

ngannya dengan Duta Khas Bangsa-bangsa Bersatu itu, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, mereka membicarakan soal perbandingan tenaga di Nairobi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

CS/ 2/10/81